



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

**KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : [www.kpd.com.my/kpd](http://www.kpd.com.my/kpd) E-mail : [info@kpd.com.my](mailto:info@kpd.com.my)

Bilangan : [ ] KP/9/117

Tarikh : 22hb Februari 2017

**"BERJIMAT SAMBIL BERKHIDMAT"**

**Pengerusi/Setiausaha/AJK Daerah**

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Tuan/Puan,

**PEMBAHARUAN SKIM TAKAFUL ANJURAN KOPERASI POLIS**

- 1. SKIM TAKAFUL KEMATIAN & KEMALANGAN DIRI DAN KELUARGA BERKELOMPOK**
- 2. SKIM INSURANS KEMASUKAN HOSPITAL & PEMBEDAHAN BERKELOMPOK**

Dengan penuh rasa hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Anggota Lembaga yang bersidang pada 21hb Februari 2017 telah memutuskan serta meluluskan pembaharuan Skim-skim Takaful/Insurans KPDRM untuk tempoh setahun lagi berkuatkuasa 01hb Mac 2017 sehingga 28hb Februari 2018 **TANPA** sebarang perubahan kadar premium serta pindaan manfaat.

3. Bagi Skim Takaful Kematian & Kemalangan Diri Dan Keluarga Berkelompok perlindungan adalah diteruskan dengan **Syarikat Etiqa Takaful Malaysia Berhad (Etiqa)** manakala bagi Skim Insurans Kemasukan Hospital & Pembedahan Berkelompok, penanggung insurans adalah **Syarikat MPI Generali Insurance Berhad** dengan pentadbir urus dikendalikan oleh **Asia Assistance Network Sdn. Bhd.**

4. Para anggota yang menjadi ahli di bawah Skim-skim Insurans KPDRM yang di atas bolehlah terus menikmati perlindungan takaful/insurans sebagaimana pelan perlindungan yang diambil serta melayari sesawang KPDRM ([www.kpd.com.my](http://www.kpd.com.my)) untuk maklumat lanjut.

5. Kerjasama dan komitmen semua pihak adalah diperlukan bagi memastikan skim ini berjalan dengan lancar dan anggota **KPDRM** yang menyertainya memperolehi perkhidmatan yang terbaik. Diharapkan pihak Tuan/Puan dapat menyebarkan makluman ini kepada semua anggota di dalam daerah Tuan/Puan.

Sekian, salam hormat.

**"SEJAHTERA BERSAMA KOPERASI"**

Yang benar,

**B/p KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

  
**DATO' ZULKAPLI BIN AHMAD**  
Setiausaha

s/k : Pengerusi  
Timbalan Pengerusi  
Anggota-anggota Lembaga Pengarah  
Ketua Pegawai Operasi  
KP/18